

04/11/1998

Negara disyor hadkan jajaran naik/turun ringgit

SEORANG ahli akademik semalam mengesyorkan supaya jajaran naik/turun nilai ringgit dihadkan selepas nilainya tidak lagi ditetapkan pada kadar RM3.80 berbanding dolar Amerika, bagi menstabilkan pergerakannya pada masa akan datang.

Pensyarah fakulti ekonomi dan pentadbiran Universiti Malaya, Dr Mahani Zainal Abidin, berkata jajaran itu perlu dihadkan yang juga bertujuan untuk mengekang tekanan luar ke atas ringgit seperti dihadapi sebelum ini.

"Cadangan ini boleh difikirkan sekarang bagi menghadapi cabaran akan datang," katanya yang juga ahli jawatankuasa Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kepada Berita Harian, semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan beberapa cadangan mengawal urus niaga mata wang, termasuk mensyaratkan penjual perlu menghantar wang mengikut tempoh yang ditetapkan selepas urus niaga.

Perdana Menteri turut mengesyorkan supaya pedagang mata wang didaftar dan dilesenkan di negara tempat ia beroperasi, manakala asas pertukaran mata wang perlu dikawal.

Sehubungan itu, kata Menteri Kewangan Pertama, satu jumlah yang tidak melebihi jajaran tertentu untuk urus niaga di sesebuah negara perlu ditetapkan sebagai kadar maksimum urus niaga untuk sehari.

Dr Mahani berkata, tidak menjadi masalah bagi urus niaga mata wang dalam negara seperti membabitkan bank dan pengurup wang kerana mereka boleh dikawal oleh Bank Negara Malaysia (Bank Negara) melalui peraturan tertentu.

Katanya, cadangan Dr Mahathir itu adalah baik dan perlu kajian lanjut tetapi Malaysia perlu mencontohi sistem kewangan Eropah terutama yang mengehadkan turun/naik jajaran mata wang.

"Kita boleh memperkenalkan sistem yang sama. Namun, tindakan mengehadkan jajaran ini lazimnya memerlukan campur tangan kerajaan apabila nilai turun/naiknya melebihi had yang dibenarkan."

"Kita perlu menilai semula sama ada cara lama seperti sebelum ini masih boleh digunakan atau tidak dan Malaysia boleh mengguna pakai kaedah ini (mengehadkan jajaran) selepas ringgit tidak lagi diikat pada kadar tetap seperti sekarang," katanya.

Penganalisis perbankan di TA Securities Sdn Bhd, Chie King Ngu, pula berkata cadangan Perdana Menteri untuk mendaftar dan melesenkan pedagang mata wang itu adalah baik.

Katanya, kawalan mata wang memerlukan sebarang bentuk kawalan terutama di peringkat antarabangsa dan ia sememangnya ia harus dikawal selia.

"Untuk mengawal selia dagangan mata wang, ia harus dibuat seperti urus niaga ekuiti atau komoditi supaya kita tahu siapa dan dari mana wang itu datang," katanya.

Mengenai perlunya pedagang mata wang didaftar dan dilesenkan, beliau berkata ia perlu kajian dan perbincangan lanjut mengenai mekanisme kerana ramai orang terbabit sama ada secara langsung atau tidak dalam urus niaga itu.

"Anda dan saya juga turut terbabit dalam urus niaga ini apabila kita membeli atau menjual mata wang tetapi sekali-sekala dan setiap orang berbuat demikian. Mungkin yang dimaksudkan untuk dilesen atau didaftarkan itu cuma membabitkan pedagang utama mata wang," katanya.

(END)